



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 3/2026

SELASA, 31 MAC 2026 (11 SYAWWAL 1447H)

DEWAN BUNGA TANJUNG, PETALING JAYA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya

Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha (Pengurusan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urusan bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh muslimin dan muslimat, khususnya kepada Ahli-Ahli Majlis, warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya, serta seluruh penduduk Petaling Jaya yang diraikan. Semoga sambutan Aidilfitri pada tahun ini membawa keberkatan, mengeratkan silaturahim, serta menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kita terus berkhidmat dan membangunkan bandar raya yang kita cintai ini.

2. MBPJ DAN MIP METERAI MOU PERKUKUH PERANAN PERANCANG BANDAR SEBAGAI PEMIMPIN STRATEGIK BANDAR

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pertubuhan Perancang Malaysia (Malaysian Institute of Planners, MIP) dalam memperkukuh kerjasama strategik bagi meningkatkan kualiti amalan perancangan bandar serta memperkasa peranan profesional perancang bandar sebagai pemimpin strategik dalam pengurusan bandar.

Majlis pemeteraian tersebut berlangsung bersempena Sesi Perkongsian "*Town Planner as City Manager: Beyond Compliance*

Towards City Leadership from Plan Submission to Strategic Urban Advisory". Landskap pembangunan bandar masa kini semakin kompleks dengan pelbagai cabaran termasuk kepadatan pembangunan, perubahan iklim, tuntutan prinsip *Environmental, Social and Governance* (ESG) serta jangkaan masyarakat terhadap tadbir urus bandar yang lebih telus dan inklusif.

Perkembangan teknologi seperti analitik data, sistem geospasial dan kecerdasan buatan turut mengubah pendekatan perancangan bandar, sekali gus menjadikan data sebagai komponen strategik dalam proses membuat keputusan pembangunan bandar.

Profesion perancang bandar perlu berkembang daripada peranan tradisional sebagai penyedia dokumen pelan kepada penasihat strategik bandar yang mampu mentafsir data, memahami sistem bandar secara menyeluruh serta menyokong kepimpinan bandar dalam membuat keputusan yang memberi impak kepada masyarakat.

Dalam konteks pihak berkuasa tempatan, peranan tersebut amat signifikan kerana PBT berada di barisan hadapan dalam menterjemahkan dasar kepada tindakan di peringkat bandar, selain memastikan pembangunan dilaksanakan secara mampan, inklusif dan berdaya tahan.

MBPJ kini mempunyai 22 pelan tindakan bandar yang merangkumi pelbagai dimensi pembangunan termasuk kesejahteraan sosial, mobiliti bandar, persekitaran mampan, keselamatan komuniti, pembangunan

ruang awam, pembangunan ekonomi bandar serta pendigitalan perkhidmatan.

Kesemua pelan tersebut dilaksanakan melalui proses libat urus yang menyeluruh bersama pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, badan profesional, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat bagi memastikan perancangan bandar benar-benar mencerminkan aspirasi masyarakat.

Pada masa yang sama, MBPJ kini sedang menyediakan Pelan Rancangan Tempatan (Penggantian) Petaling Jaya, yang akan menjadi dokumen dasar utama bagi memandu perancangan dan pembangunan bandar Petaling Jaya bagi tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang.

Dokumen tersebut bukan sahaja merangkumi aspek guna tanah, malah turut berfungsi sebagai kompas pembangunan bandar yang menentukan hala tuju pembangunan fizikal, ekonomi bandar, mobiliti, persekitaran serta kesejahteraan komuniti pada masa hadapan.

Lebih menarik, sesi perkongsian turut menampilkan wakil daripada Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya yang berkongsi pengalaman mereka sebagai suara kanak-kanak dalam proses perancangan dan pengurusan bandar di Petaling Jaya.

Penglibatan Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya ini mencerminkan pendekatan MBPJ yang memberi ruang kepada generasi muda untuk turut menyumbang pandangan dan idea mengenai masa depan bandar, selaras dengan aspirasi Petaling Jaya sebagai bandar yang inklusif

dan mesra kanak-kanak.

Melalui pemeteraian MoU antara MBPJ dan MIP ini, kedua-dua pihak akan memperkukuh kerjasama dalam bidang penyelidikan, pembangunan kapasiti profesional, latihan, advokasi serta pelaksanaan projek perintis yang mampu meningkatkan kualiti amalan perancangan bandar di Petaling Jaya.

Kerjasama ini dijangka menyumbang kepada pembangunan bandar yang lebih mampan, inklusif dan berdaya tahan, selari dengan aspirasi MBPJ untuk terus memperkukuh kedudukan Petaling Jaya sebagai bandar yang progresif dan berorientasikan masa hadapan.

3. PROGRAM RAMADAN ON WHEELS @PJ

Program Ramadan *On Wheels @ PJ* ini adalah salah satu inisiatif MBPJ yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin pada 25 Februari 2026 bersempena Program Santuni Bazar Ramadan Lestari dan Prihatin di Bazar Ramadan SS 6/1 Kelana Jaya.

Tema kelestarian membawa maksud penekanan kepada pemeliharaan alam sekitar demi kelestarian Petaling Jaya dengan membawa botol-botol dan tin sebagai tebusan makanan manakala prihatin pula membawa maksud galakan perkongsian rezeki dan memperkukuhkan nilai kemanusiaan. Melalui inisiatif ini, penduduk setempat membawa barangan kitar semula seperti botol plastik dan tin untuk ditukar dengan juadah berbuka puasa berdasarkan berat timbangan yang dikumpulkan.

Selaras dengan tema bazar Ramadan MBPJ pada tahun ini Lestari dan Prihatin, Program Ramadan *On Wheels @ PJ* berlangsung di enam lokasi iaitu Pangsapuri Impian Baiduri Jalan 51A/224, Pangsapuri Gugusan Semarak Seksyen 4 Kota Damansara, Pangsapuri Idaman Jalan PJU 10/1, PPR Lembah Subang 2, PPR Kota Damansara dan Blok 11 Desa Mentari, Taman Medan.

Seramai 814 penduduk telah mendapat manfaat. Program ini juga berjaya mengumpul sebanyak 812 kg botol-botol plastik/ tin dan telah disalurkan kepada PJ Eco Recycling Plaza. Bagi merealisasikan program murni ini, MBPJ telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Syed Bistro dan Restoran Original Penang Kayu Nasi Kandar untuk menyediakan juadah makanan berbuka di bawah peruntukan Tabung Akaun Amanah Caj Beg Plastik untuk disumbangkan semula kepada komuniti Petaling Jaya.

Program Ramadan *On Wheels @ PJ* berjalan seiring dengan Program Jalinan Kasih Ramadan. Pada Tahun 2026 pihak Majlis telah menerima 347 penyertaan Program Jalinan Kasih Ramadan berbanding 278 penyertaan pada tahun 2025. Sehingga program yang terakhir pada hari ini Majlis telah menerima 859.0 kg juadah berbuka puasa yang diagihkan kepada penduduk-penduduk Petaling Jaya.

Penganjuran program ini diharap dapat terus menyemarakkan budaya kelestarian melalui amalan kitar semula, di samping memperkukuhkan

semangat kebersamaan serta keprihatinan antara MBPJ dan komuniti setempat.

4. BANJIR KILAT DI PETALING JAYA : DALAM RADAR MBPJ

Isu banjir kilat di Petaling Jaya, khususnya di kawasan Taman Medan, Jalan Sri Manja, dan Lebuhraya NPE (Exit 1005), sentiasa berada dalam radar pemantauan rapi MBPJ bagi memastikan kesejahteraan penduduk dan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara.

Berdasarkan rekod rasmi Majlis, kejadian banjir yang berlaku pada 17 November dan 30 Disember 2025 adalah disebabkan oleh kombinasi faktor cuaca ekstrem, kedudukan geografi yang rendah, serta kenaikan mendadak paras Sungai Klang yang mencecah 12.93 meter berbanding aras normal 10.3 meter.

Keamatan hujan yang direkodkan sangat luar biasa atau diklasifikasikan sebagai *violent shower*, jumlah hujan mencecah 182 mm dalam tempoh dua jam, iaitu bersamaan dengan purata taburan hujan untuk sebulan. Situasi ini turut dibuktikan dengan bacaan tinggi pada 17 Disember sebanyak 138 mm dan pada 25 Februari 2026 sebanyak 113 mm, yang secara jelas berada di luar kapasiti reka bentuk kebanyakan sistem saliran bandar sedia ada.

Walaupun sistem saliran sedia ada berfungsi dengan baik, namun ia memerlukan sokongan tambahan untuk mempercepatkan aliran keluar air, terutamanya bagi kediaman yang mempunyai aras lantai yang

rendah di mana air mula surut sebaik sahaja intensiti hujan berkurangan.

Dari sudut kekuatan infrastruktur, MBPJ tidak berkompromi dalam aspek kejuruteraan dengan membina sistem *On-Site Detention* (OSD) yang direka untuk menampung standard 120 ARI dalam tempoh satu jam, iaitu piawaian yang sangat tinggi bagi menangani larian air permukaan. Antara tahun 2022 hingga 2024, Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM 15 juta untuk membina infrastruktur Struktur Kawalan Limpahan Sungai (SKaLiS) dan OSD secara berperingkat.

Sehingga kini, daripada tujuh *outlet* utama ke Sungai Klang di kawasan Taman Medan, empat lokasi strategik telah dilengkapi sistem SKaLiS di mana mekanisme *flip gate* terbukti berjaya menghalang fenomena *backflow* atau aliran balik air sungai ke sistem perparitan awam.

Bagi mengatasi isu "air statik" semasa waktu puncak hujan, MBPJ kini beralih kepada penyelesaian mekanikal sebagai langkah *game changer* melalui pemasangan pam berkuasa tinggi yang mampu menolak air keluar ke sungai tanpa perlu menunggu paras sungai surut secara semula jadi. Di bawah pelan transformasi 2026–2027, MBPJ telah merangka jadual pemasangan pam mengikut keutamaan yang melibatkan peruntukan ISF berjumlah RM 1.2 juta di belakang Kondominium Sri Manja Court dan RM 2 juta di Jalan PJS 1/15 bagi tahun 2026. Projek ini akan diteruskan pada tahun 2027 di Flat Medan

32 dan Jalan PJS 3/56 dengan anggaran kos RM 1.2 juta bagi setiap lokasi.

Hasil lawatan tapak yang dijalankan pada 3 Mac 2026 bersama agensi strategik seperti LLM, NPE, dan JPS telah membuahkan beberapa tindakan segera termasuk kajian oleh pihak NPE untuk menaikkan paras jalan di kawasan *U-turn* serta pengesahan bahawa pihak pemaju telah menyiapkan kerja pembersihan dan pembesaran kolam tadahan pada awal Februari lalu.

Selain itu, struktur dam di Jalan Sri Manja akan dikekalkan dalam keadaan tertutup demi keselamatan penduduk di Buana Perdana, sementara cadangan menaikkan aras Jalan Sri Manja antara 600 mm hingga 900 mm sedang dalam penelitian lanjut.

Sebagai langkah kesiapsiagaan berterusan, MBPJ telah menempatkan pam mudah alih dan lori di Balai Raya Taman Sri Manja serta memasang sistem CCTV mudah alih dan siren amaran bagi pemantauan aras air secara masa nyata.

MBPJ komited untuk merealisasikan aspirasi Petaling Jaya sebagai Bandar Selamat dan Berdaya Tahan dengan memastikan perancangan penambahbaikan sistem saliran dilaksanakan mengikut keutamaan risiko dan keupayaan peruntukan demi penyelesaian jangka panjang yang tuntas.

5. MBPJ TERAJUI INOVASI DIGITAL MAMPAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus mengukuhkan statusnya sebagai peneraju bandar raya pintar dan mampan menerusi pelancaran **Program Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan (PJ SEED)**, **Sistem PJ Eko Rebat (PJeR)** serta **Program Kitar Semula Sekolah**.

Sistem PJ Eko Rebat (PJeR) merupakan platform digital perintis dan yang pertama seumpamanya diperkenalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. Sistem ini merupakan penjenamaan semula Skim Rebat Cukai Taksiran kepada Pemilik Rumah Mesra Alam yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011.

Melalui sistem baharu ini, warga Petaling Jaya boleh mengemukakan permohonan, memuat naik dokumen sokongan serta menyemak status dengan lebih mudah, pantas dan efisien secara dalam talian.

Sebanyak 243 permohonan telah diluluskan pada tahun 2025 melibatkan nilai RM 81,075.28, yang akan dikreditkan pada penggal kedua tahun 2026. Secara kumulatif sejak 2011 hingga 2025, MBPJ telah menerima 2,861 permohonan dengan 2,556 daripadanya layak menerima rebat berjumlah hampir RM 1 juta, sebagai penghargaan kepada warga Petaling Jaya yang mengamalkan gaya hidup lestari dan mesra alam.

Dalam usaha memperkasakan peranan komuniti dalam pembangunan bandar mampan, MBPJ memperuntukkan RM 500,000 bagi meneruskan **Program Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan (PJ**

SEED) untuk tahun 2026. Sejak diperkenalkan pada 2019, sebanyak 180 projek komuniti telah diluluskan dengan jumlah peruntukan keseluruhan mencecah RM 3.2 juta.

MBPJ turut memberi penekanan kepada pendidikan kelestarian melalui **Program Kitar Semula Sekolah** dengan kerjasama Fraser & Neave Holdings Bhd. serta Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd. Antara tahun 2022 hingga 2024, 30 buah sekolah telah menyertai program ini dengan jumlah kutipan bahan kitar semula mencecah 126,707 kilogram.

Selain itu, Majlis turut menyaksikan pelantikan 13 Duta PJ Bersih bagi sesi 2026 - 2027, yang akan bertindak sebagai rakan strategik, memantau tahap kebersihan bandar serta mendidik komuniti mengenai kepentingan menjaga kemudahan awam dan mengamalkan budaya kitar semula. MBPJ berharap inisiatif ini dapat memupuk budaya kelestarian yang lebih kukuh dalam kalangan warga Petaling Jaya, sekali gus mengukuhkan usaha membina sebuah bandar yang hijau, bersih, berdaya tahan dan sejahtera untuk generasi masa hadapan

Mewakili Majlis Bandaraya Petaling Jaya, saya ingin merakamkan salam takziah buat keluarga Allahyarham Ustaz Ariffin bin Mahaiyuddin, mantan Ahli Majlis MBPJ (Penggal 2016/2017) yang telah meninggal dunia pada 18 Mac 2026 bersamaan 28 Ramadan 1447H.

Sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Majlis, Allahyarham menunjukkan semangat kerja yang tinggi buat masyarakat Petaling Jaya khususnya warga Taman Medan dengan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti

kemasyarakatan dan menjadi perantara antara MBPJ dengan penduduk.

"Tidak ada balasan yang selayaknya bagi hamba-Ku yang beriman di sisi-Ku, ketika Aku mencabut nyawa orang yang dicintainya di dunia, kemudian dia redha dan bersabar demi mengharapkan ganjaran Allah, melainkan (baginya) syurga" - (Riwayat al-Bukhari, 6424)

Semoga Allah menempatkan Allahyarham Ustaz Ariffin bin Mahaiyuddin bersama para as-solihin dan para syuhada, Amin Ya Rahim.

Al-Fatihah

Sekian, terima kasih.